



ABDULLAH AHMAD BADAWI bersalam dengan orang ramai semasa menghadiri majlis perasmian Islam Hadhari peringkat Negeri Sembilan di padang Majlis Perbandaran Seremban (MPS), Seremban, semalam.

Agenda bangunkan negara belum selesai

SEREMBAN 8 Mac - Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengakui banyak lagi agenda pembangunan negara yang belum selesai dilaksanakan demi kemajuan rakyat.

Beliau berkata, kerajaan akan terus memperbaiki apa sahaja kekurangan yang ada dalam melaksanakan agenda pembangunan negara itu.

"Saya akui agenda pembangunan kita belum selesai. Banyak lagi yang kita mahu buat.

"Kita mesti kejar apa yang ada didepan dan pada masa yang sama memastikan apa yang dikeleak tidak bercirikan," kata-

nya semasa merasmikan program Islam Hadhari (Pengurusan Negara Islam) peringkat Negeri Sembilan di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad, Setiausaha Agung Barisan Nasional Tan Sri Khalil Yaakob dan Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Hamzah Ghazali.

Berucap di hadapan ribuan hadirin di padang Majlis Perbandaran Seremban (MPS), Abdullah berkata semangat permuafakatan yang wujud di kalangan semua pihak termasuk jemaah Menteri yang terdiri

daripada pelbagai kaum amat baik dan saling hormat menghormati.

Beliau berkata sebab itu kejayaan negara ini patut menjadi kebanggaan semua orang Islam dan bukan Islam.

"Sebab itulah saya paling mengutamakan semangat kerjasama dalam menjayakan agenda pembangunan negara kita ini," katanya.

Abdullah turut menggesa supaya rakyat Malaysia menuntut ilmu pengetahuan kerana melaluinya mereka akan dapat mengeksploitasi segala bidang ilmu dan nikmat yang dikurniakan untuk kebaikan mereka.

"Ilmu pengetahuan amat penting dan tanpanya kita tidak boleh maju dan membangun. Manusia yang tidak ada ilmu pengetahuan sukar untuk berjaya," katanya.

Perdana Menteri turut melahirkan penghargaan kepada empat bekas Perdana Menteri yang terdahulu iaitu Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan Tun Dr Mahathir Mohamad kerana telah membangunkan negara ini menjadi negara yang berjaya, aman dan makmur. — Bernama